

18 AUG 1997

DR MAHATHIR TIBA DI KUCHING UNTUK TERUSKAN LAWATAN

KUCHING, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di sini petang ini dari Miri untuk meneruskan aturcara lawatan rasmi dua hari ke Sarawak.

Mereka diiringi dari Miri oleh Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan isteri, Puan Sri Hajah Laila Taib.

Kira-kira 1,000 orang terutamanya penyokong parti komponen Barisan Nasional (BN) yang membawa sepanduk dan bendera parti masing-masing berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching untuk menyambut ketibaan mereka.

Mengetuai sambutan ialah bekas Yang Dipertua Negeri, Tun Mohamad Salahudin dan beberapa menteri kabinet, menteri muda, orang kenamaan tempatan dan ketua jabatan kerajaan.

Sejurus selepas tiba Dr Mahathir dibawa melawat projek perumahan di kawasan Perindustrian Demak Laut di sini dan projek pelabuhan perairan dalam yang sedang dibina di Senari di kawasan berhampiran.

Malam ini beliau akan menghadiri majlis makan malam semua kaum di Dewan Santapan Dewan Undangan Negeri di sini.

Pagi esok beliau akan merasmikan tugu gerbang delima di Taman Negara Kubah, Matang dekat sini dan kemudian mendengar taklimat mengenai pelan pelancongan, perindustrian dan Bandaraya Kuching.

Perdana Menteri dan isteri akan kembali ke Kuala Lumpur pada sebelah petang.

-- BERNAMA

OPP NMO